

Majoriti Rakyat Malaysia Berfikiran Rasional Dan Bersatu Hati - Muhyiddin Bernama
Dec 31, 2014

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Majoriti rakyat Malaysia berfikiran rasional dan tidak terikut-ikut dengan rentak permainan segelintir pihak yang mempunyai niat untuk memporak-perandakan masyarakat ketika negara dilanda krisis, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau merasa bangga melihat penyatuan hati rakyat Malaysia dalam menghadapi krisis biarpun ada segelintir pihak yang tidak habis-habis memperlekehkan usaha kerajaan dan menyebarkan api kebencian.

"Rakyat perlu bersatu hati bersama-sama kerajaan melaksanakan segala dasar dan program pembangunan supaya Malaysia menjadi negara yang disegani, dihormati malah dicontohi oleh negara-negara lain," katanya dalam perutusan Tahun Baharu 2015.

Beliau berkata rakyat Malaysia mesti membuktikan bahawa dalam apa jua keadaan mereka bersatu hati dan mengetepikan apa juga perbezaan kerana Malaysia adalah negara mereka dan tanah tumpahnya darah mereka.

"Setiap kejayaan yang dicipta oleh rakyat Malaysia menjadi kebanggaan kita dan apa juga musibah yang melanda, kita hadapi bersama atas nama penyatuan hati rakyat berbilang kaum," katanya.

Muhyiddin berkata Malaysia berada di landasan yang betul ke arah mencapai negara maju pada tahun 2020 berikutan ekonomi negara telah berkembang secara stabil dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dicatatkan sebanyak 6.3 peratus pada suku kedua tahun 2014.

"Insya-Allah, saya yakin pada 2015 kita akan mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh sekitar 5.5 peratus hingga 6 peratus manakala defisit negara juga kian bertambah baik dengan penurunan daripada 6.7 peratus pada 2009 kepada 3.9 peratus pada 2013 dan dijangka turun lagi kepada 3.5 peratus pada 2014.

"Kemajuan ekonomi Malaysia juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa yang amat membanggakan pada 2014, dalam Laporan Bank Dunia - 'Doing Business 2015 Report', Malaysia telah berjaya naik dua anak tangga ke kedudukan ke-18 daripada 189 buah negara," katanya.

Pada pencapaian negara dalam Laporan Daya Saing Global 2014 pula, beliau berkata Malaysia meningkat ke tempat ke-20 daripada kedudukan ke-24 daripada 148 buah negara pada tahun 2013, kedudukan Malaysia kini mendahului ekonomi negara-negara maju seperti Australia, Perancis dan Korea Selatan.

Muhyiddin berkata ia mencerminkan bahawa kerajaan sangat komited dan

bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran yang benar-benar kondusif bagi pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam memacu faktor-faktor yang akan menjana produktiviti dan nilai tambah yang lebih tinggi pada setiap tahun.

Muhyiddin berkata Malaysia hanya mempunyai tempoh lima tahun sahaja lagi untuk mencapai sasaran menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, justeru itu, Bajet 2015 'Ekonomi Keperluan Rakyat' yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan menjadi pegangan dalam mendahulukan kepentingan dan keperluan rakyat pada masa hadapan.

"Pada bulan Mei tahun depan (2015), jendela Rancangan Malaysia ke-11 akan bermula, pelonjak akhir memacu separuh dekad Malaysia untuk menuju status sebuah 'Negara Maju'.

"Saya secara peribadi berharap tahun 2015 akan menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang lebih rancak dan pengagihan kekayaan negara yang lebih saksama dalam mengatasi jurang ketidakseimbangan antara kaum serta di bandar dan di luar bandar," katanya.

Muhyiddin menyeru semua rakyat Malaysia berusaha dan berdoa supaya Malaysia terus dianugerahkan kesejahteraan oleh Allah SWT, rakyat Malaysia juga diminta menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Diharapkan keadaan akan kembali pulih dan Allah SWT menggandakan rezeki serta kesejahteraan rakyat Malaysia selepas melalui kesukaran sepanjang tahun 2014, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097280>